

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)57**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

57. Banjir kilat.

- (a) Senaraikan kawasan banjir kilat risiko sederhana dan tinggi di Pulau Pinang.
- (b) Apakah rancangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menangani masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

57. (a) Menurut data terkini daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) setakat Mac 2024, jumlah keseluruhan kawasan banjir di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 233 kawasan. Daripada jumlah tersebut, 124 kawasan dikenal pasti sebagai *hotspot* banjir, manakala 109 kawasan lagi diklasifikasikan sebagai kawasan berisiko banjir. Maklumat senarai *hotspot* banjir mengikut daerah disertakan sebagai **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan.

DAERAH	KAWASAN BANJIR	HOTSPOTS BANJIR	RISIKO BANJIR
SPU	70	37	33
SPT	90	44	46
SPS	21	15	6
DTL	25	13	12
DBD	27	15	12
<b>JUMLAH</b>	<b>233</b>	<b>124</b>	<b>109</b>

Menurut sumber JPS, kawasan banjir terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- (i) Kawasan *hotspot* banjir: kawasan yang pernah berlaku banjir melebihi dua (2) kali dalam tempoh setahun.
- (ii) Kawasan berisiko banjir: kawasan berisiko banjir merujuk kepada kawasan yang berpotensi terdedah kepada banjir akibat faktor geografi, taburan hujan, sistem saliran yang kurang baik, perubahan iklim, atau pembangunan.

- (b) Kerajaan Negeri melalui JPS Pulau Pinang sentiasa berusaha mengurangkan risiko banjir melalui:
- (i) Pelaksanaan projek tebatan banjir berskala kecil di bawah peruntukan pembangunan negeri dan mengurus.
  - (ii) Kajian rekabentuk terperinci dan pelaksanaan projek tebatan banjir berskala sederhana di bawah peruntukan caruman saluran negeri.
  - (iii) Melaksanakan projek-projek tebatan banjir berimpak tinggi (*High Impact Project*) dengan kos sebanyak RM150 juta pada tahun 2017.

Projek-projek tebatan banjir ini dilaksanakan berasaskan rekod kawasan banjir serta hasil kajian rekabentuk terperinci sebagai langkah mitigasi untuk menangani isu berkenaan. Pelaksanaan projek fizikal akan dijalankan setelah kajian disiapkan sepenuhnya.